



**MALAYSIA**

# **BANCI EKONOMI** *ECONOMIC CENSUS* **2016**

**STATISTIK TENAGA DAN UTILITI**  
*ENERGY AND UTILITIES STATISTICS*

**Pemakluman/ Announcement:**

Dimaklumkan bahawa kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan *MyStats Day* adalah "Data Berkualiti, Kehidupan Sejahtera".

*Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20 October each year. MyStats Day theme is "Better Data, Better Lives".*

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*

Diterbitkan dan dicetak oleh:

**Jabatan Perangkaan Malaysia**

Blok C6, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya

**MALAYSIA**

Tel : 03-8885 7000

Faks : 03-8888 9248

Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook : [www.facebook.com/StatsMalaysia](http://www.facebook.com/StatsMalaysia)

Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>

Harga : RM40.00

Diterbitkan pada November 2018

**Hakcipta terpelihara.**

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”.

*Published and printed by:*

**Department of Statistics, Malaysia**

*Block C6, Complex C*

*Federal Government Administrative Centre*

*62514 Putrajaya*

**MALAYSIA**

*Tel. : 03-8885 7000*

*Fax : 03-8888 9248*

*Portal : <https://www.dosm.gov.my>*

*Facebook : [www.facebook.com/StatsMalaysia](http://www.facebook.com/StatsMalaysia)*

*Twitter : <https://twitter.com/StatsMalaysia>*

*Price : RM40.00*

*Published on November 2018*

**All rights reserved.**

*No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in data base without the prior written permission from Department of Statistics, Malaysia.*

*Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:*

*“Source: Department of Statistics, Malaysia.”*

**ISBN 978-967-2000-58-7**

Penerbitan Statistik Tenaga dan Utiliti, hasil daripada Banci Ekonomi 2016 ini julung kali dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Inisiatif menerbitkan data parameter tambahan ini bertujuan untuk mengkaji penemuan Banci Ekonomi dari dimensi yang berbeza selari dengan usaha untuk merakmatkan statistik. Penerbitan ini menyediakan statistik tenaga dan utiliti mengikut sektor ekonomi utama, mengikut negeri dan industri tenaga bagi memenuhi keperluan agensi kerajaan, sektor swasta, ahli akademik serta individu bagi tujuan membuat perancangan dan penggubalan dasar, analisis ekonomi, unjuran dan membantu merancang program pembangunan perniagaan.

Industri tenaga meliputi semua industri berkaitan tenaga seperti yang disyorkan dalam *International Recommendation for Energy Statistics (IRES)* dan *Energy Statistics Compilers Manual (ESCM)* yang meliputi Seksyen B, C, dan D manakala industri utiliti di Seksyen E yang dikelaskan di bawah Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0, selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4. Data utama bagi industri tenaga yang diterbitkan ialah nilai output kasar, nilai input perantara, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap. Penerbitan ini juga membentangkan pelbagai statistik termasuk pengeluaran dan penggunaan tenaga & utiliti dan statistik berkaitan lain yang telah diterbitkan oleh Jabatan dan agensi kerajaan lain.

Penerbitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian. Bahagian pertama memaparkan infografik penemuan utama dan ringkasan penemuan statistik tenaga dan utiliti. Bahagian kedua meliputi aspek teknikal seperti skop dan liputan, konsep dan definisi serta pembolehubah utama yang digunakan bagi memudahkan pengguna memahami statistik dalam penerbitan ini. Bahagian ketiga pula memaparkan jadual perangkaan secara terperinci.

Jabatan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama yang diberikan oleh responden dan juga semua pihak yang telah menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan ini pada masa akan datang amat dihargai.

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

Ketua Perangkawan Malaysia

**November 2018**

# PREFACE

*The Energy and Utilities Statistics publication which provides information based on the data obtained from the Economic Census 2016 is the first attempt undertaken by the Department of Statistics, Malaysia. The initiative for publishing additional parameter data is to serve analysis the findings of the Economic Census in different dimensions in line with efforts to give exposure to the community about statistics. This publication provides the energy and utilities statistics by main economic sector, by state and energy industry to meet the needs of government agencies, economists, academicians, private sector and individual for planning and formulation policies, economic analysis, projections and to assist in business development planning.*

*Energy industry encompasses all energy-related industries as recommended by the International Recommendation for Energy Statistics (IRES) dan Energy Statistics Compilers Manual (ESCM) covering Section B, C and D, while utilities industry in Section E is classified under the Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0, in accordance with the International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC), Revision 4. Key data for the energy industry consists of value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are reported in this publication. This publication also presents various statistics include production and consumption of energy & utilities and other related statistics that have been published by the Department and other government agencies.*

*This publication is divided into three sections. The first section presents the infographics of the main findings and a summary of findings for energy and utilities statistics. While, the second section covers the technical aspects such as scope and coverage, concepts and definitions as well as the key variables used to facilitate users to understand statistics in this publication. The third section presents the detailed statistical tables.*

*The Department gratefully acknowledges the co-operation rendered by the respondents as well as all parties who have contributed directly and indirectly to the success of this publication. Every feedback and suggestion towards improving future reports is highly appreciated.*

**DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN**

*Chief Statistician Malaysia*

**November 2018**

	Muka surat <i>Pages</i>
<b>Kata pengantar</b> <i>Preface</i>	i
<b>Kandungan</b> <i>Contents</i>	iii
<b>BAHAGIAN 1</b> : <b>Penemuan utama</b> <i>PART 1</i> : <i>Main findings</i>	3
: <b>Ringkasan penemuan</b> : <i>Summary of findings</i>	7
<b>BAHAGIAN 2</b> : <b>Nota teknikal</b> <i>PART 2</i> : <i>Technical notes</i>	41
<b>BAHAGIAN 3</b> : <b>Jadual</b> <i>PART 3</i> : <i>Tables</i>	
<b>Jadual Utama</b> <i>Main table</i>	
<b>1 Perangkaan utama tenaga dan utiliti, 2015</b> <i>Principal statistics of energy and utilities, 2015</i>	111
<b>2 Pengeluaran produk tenaga dan utiliti mengikut sektor ekonomi, 2015</b> <i>Production of energy and utilities products by economic sector, 2015</i>	113
<b>3 Pengeluaran produk pembuatan petroleum bertapis, 2015</b> <i>Production of manufacture of refined petroleum products, 2015</i>	114
<b>4 Nilai penggunaan produk tenaga dan utiliti mengikut sektor ekonomi, 2015</b> <i>Consumption of energy and utilities products by economic sector, 2015</i>	115
<b>4a Nilai penggunaan bahan pembakar, pelincir dan gas mengikut sektor ekonomi, 2015</b> <i>Consumption of fuel, lubricants and gas by economic sector, 2015</i>	116
<b>5 Nilai penggunaan produk tenaga dan utiliti mengikut negeri, 2015</b> <i>Consumption of energy and utilities products by state, 2015</i>	117
<b>5a Nilai penggunaan bahan pembakar, pelincir dan gas mengikut negeri, 2015</b> <i>Consumption of fuel, lubricants and gas by state, 2015</i>	118
<b>5b Nilai penggunaan tenaga elektrik mengikut negeri, 2015</b> <i>Consumption of electrical energy by state, 2015</i>	119
<b>5c Nilai penggunaan bekalan air mengikut negeri, 2015</b> <i>Consumption of water by state, 2015</i>	120
<b>6 Intensiti tenaga mengikut sektor ekonomi, 2015</b> <i>Energy intensity by economic sector, 2015</i>	121

	Muka surat <i>Pages</i>
<b>7 Eksport dan import produk tenaga dan utiliti, 2015</b> <i>Exports and imports of energy and utilities products, 2015</i>	<b>122</b>
<b>8 Bekalan dan permintaan produk tenaga dan utiliti, 2015</b> <i>Supply and demand of energy and utilities products, 2015</i>	<b>123</b>
<b>9 Nilai penggunaan produk tenaga dan utiliti mengikut sektor ekonomi dan PKS, 2015</b> <i>Consumption of energy and utilities products by economic sector and SMEs, 2015</i>	<b>125</b>
<b>10 Komposisi nilai penggunaan produk tenaga dan utiliti mengikut negeri, 2015</b> <i>Composition of energy and utilities products consumption by state, 2015</i>	<b>127</b>
<b>10a Komposisi nilai penggunaan bahan pembakar, pelincir dan gas mengikut negeri, 2015</b> <i>Composition of fuel, lubricants and gas consumption by state, 2015</i>	<b>128</b>
<b>10b Komposisi nilai penggunaan tenaga elektrik mengikut negeri, 2015</b> <i>Composition of electrical energy consumption by state, 2015</i>	<b>129</b>
<b>10c Komposisi nilai penggunaan bekalan air mengikut negeri, 2015</b> <i>Composition of water consumption by state, 2015</i>	<b>130</b>
 <b>Jadual Tambahan</b> <i>Additional Tables</i>	
<b>A Penjanaan tenaga elektrik</b> <i>Electrical energy generation</i>	<b>133</b>
<b>B Penggunaan tenaga elektrik</b> <i>Electrical energy consumption</i>	<b>134</b>
<b>C Indeks asal dan indeks pelarasan musim, sektor elektrik (2015=100)</b> <i>Original index and seasonally adjusted index, electricity sector (2015=100)</i>	<b>135</b>
<b>D Purata harga jualan tenaga elektrik</b> <i>Average selling prices of electrical energy</i>	<b>136</b>
<b>E Eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan produk tenaga</b> <i>Exports, imports, total trade and balance of trade energy products</i>	<b>137</b>
<b>F Pengeluaran produk petroleum bertapis</b> <i>Production of refined petroleum products</i>	<b>139</b>

**Lampiran**  
*Appendix*



**BANCI EKONOMI 2016**  
*ECONOMIC CENSUS*

# **PENEMUAN UTAMA** *MAIN FINDINGS*

**1**  
**Bahagian**  
*Part*

**STATISTIK TENAGA DAN UTILITI**  
*ENERGY AND UTILITIES STATISTICS*

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*





# BANCI EKONOMI 2016



## PENEMUAN UTAMA TENAGA DAN UTILITI

### Pengeluaran RM371.4 bilion

#### PRODUK TENAGA DAN UTILITI

	<b>Pembuatan</b>	<b>RM123.6b</b>	<b>33.3%</b>
	<b>Perkhidmatan</b>	<b>RM123.6b</b>	
	<b>Perlombongan &amp; Pengkuarian</b>	<b>RM98.2b</b>	<b>26.5%</b>
	<b>OIL</b>	<b>RM49.5b</b>	
		<b>RM48.3b</b>	
		<b>RM0.4b</b>	
	<b>Perkhidmatan</b>	<b>RM60.6b</b>	<b>16.3%</b>
		<b>RM53.1b</b>	
		<b>RM7.5b</b>	

#### IMPORT

**RM85.2b**

**22.9%**



**Tenaga Elektrik Dijana & Guna Sendiri**

**1.0%**  
**RM3.8b**



**3.2%**

Peningkatan nilai penggunaan tenaga dan utiliti setahun



**10.0%**

Peningkatan nilai penggunaan tenaga elektrik setahun

#### INTENSITI TENAGA

**RM74.66**

bagi setiap RM1,000 penghasilan output

### Penggunaan RM371.4 bilion

	<b>Pembuatan</b>	<b>34.9%</b>	<b>RM125.9b</b>
	<b>Perkhidmatan</b>	<b>14.0%</b>	<b>RM50.5b</b>
	<b>Pembinaan</b>	<b>1.3%</b>	<b>RM4.7b</b>
	<b>Pertanian</b>	<b>1.1%</b>	<b>RM3.9b</b>
	<b>Perlombongan &amp; Pengkuarian</b>	<b>0.9%</b>	<b>RM3.2b</b>

#### EKSPORT

**RM125.9b**

**34.9%**



**Tenaga Elektrik Dijana & Guna Sendiri**

**0.8%**  
**RM2.8b**



**45.8%**

Sumbangan biomas kepada tenaga boleh baharu



**34.9%**

Penggunaan tertinggi adalah daripada sektor Pembuatan



**34.9%**

Nilai eksport meningkat kepada RM125.9b

#### PENGUNAAN ISI RUMAH DAN KERAJAAN

**11.1%**  
**RM40.3b**

**1.0%**  
**RM3.5b**






# ECONOMIC CENSUS 2016



## MAIN FINDINGS OF ENERGY AND UTILITIES

### Production RM371.4 billion

#### ENERGY AND UTILITIES PRODUCTS



#### IMPORTS

RM85.2b

**22.9%**



Self-generation & Self-Consumption of Electrical Energy

**1.0%**  
RM3.8b



**3.2%**

Increase of value in energy and utilities consumption per year



**10.0%**

Increase of value in electrical energy usage per year

#### INTENSITY OF ENERGY

**RM74.66**

for every RM1,000 output



**45.8%**


Biomass contribution to renewable energy



**34.9%**

The highest use is from Manufacturing sector

### Consumption RM371.4 billion



#### EXPORTS

RM125.9b

**34.9%**



Self-generation & Self-Consumption of Electrical Energy

**0.8%**  
RM2.8b

#### HOUSEHOLD AND GOVERNMENT CONSUMPTION

**11.1%**  
RM40.3b

**1.0%**  
RM3.5b



**34.9%**

Exports value increased to RM125.9b



**BANCI EKONOMI** 2016  
*ECONOMIC CENSUS*

# **RINGKASAN PENEMUAN** *SUMMARY OF FINDINGS*

**STATISTIK TENAGA DAN UTILITI**  
*ENERGY AND UTILITIES STATISTICS*

**JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**  
*DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA*



## 1. PENGENALAN

Penerbitan ini membentangkan statistik tenaga dan utiliti yang meliputi pengeluaran daripada industri tenaga & utiliti dan penggunaan oleh lima sektor ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan. Industri tenaga ditakrifkan sebagai unit ekonomi yang menjalankan aktiviti utama berkaitan pengeluaran, penghantaran dan pengagihan produk tenaga. Statistik ini disusun berpandukan garis panduan dan saranan yang disyorkan dalam *International Recommendations for Energy Statistics* (IRES), 2016. Manakala, statistik utiliti yang digunakan dalam penerbitan ini adalah berdasarkan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC), 2008 versi 1.0. Industri utiliti meliputi aktiviti penakungan, perawatan dan pengagihan air untuk keperluan domestik dan industri, dikelaskan dalam sektor Perkhidmatan.

Statistik yang dibentang adalah hasil daripada Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2016 bagi tahun rujukan 2015 merangkumi data perangkaan utama dan pengeluaran produk tenaga dan utiliti oleh industri tenaga dan utiliti serta nilai penggunaannya mengikut lima sektor ekonomi. Statistik mengikut negeri turut dimuatkan dalam penerbitan ini.

Berbanding statistik tenaga dan utiliti sedia ada, statistik yang dibentangkan dalam penerbitan ini tidak diukur menggunakan jisim atau berat, sebaliknya menggunakan nilai dalam Ringgit Malaysia (RM).

## 2. PRESTASI KESELURUHAN

Industri tenaga diliputi dalam sektor Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan dan Perkhidmatan. Perincian bagi setiap sektor adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1: Klasifikasi industri tenaga mengikut sektor ekonomi**

Sektor Ekonomi	Aktiviti Ekonomi (MSIC 2008)	Industri Tenaga (IRES 2016)
<b>Perlombongan &amp; pengkuarian</b>	Bahagian 05: Perlombongan batu arang dan lignit	<i>Coal mines</i>
	Bahagian 06: Pengekstrakan petroleum mentah dan gas asli	<i>Oil and gas extraction</i>
		<i>Gas separation plants</i>
	Kelas 0721: Perlombongan bijih uranium dan torium	<i>Nuclear fuel extraction and fuel processing</i>

# RINGKASAN PENEMUAN

Sektor Ekonomi	Aktiviti Ekonomi (MSIC 2008)	Industri Tenaga (IRES 2016)
	Kelas 0892: Pengekstrakan tanah gambut	<i>Other energy industry not elsewhere specified</i>
	Kumpulan 091: Aktiviti sokongan pengekstrakan petroleum dan gas asli	<i>LNG plants / regasification plants</i>
		<i>Oil and gas extraction</i>
<b>Pembuatan</b>	Kumpulan 191: Pembuatan produk ketuhar kok	<i>Coke ovens</i>
	Kumpulan 192: Pembuatan produk petroleum bertapis	<i>Coal liquefaction plants</i>
		<i>Patent fuel plants</i>
		<i>Brown coal briquette plants</i>
		<i>Oil refineries</i>
	Kelas 2011: Pembuatan kimia asas	<i>Gas-to-liquids (GTL) plants</i>
		<i>Charcoal plants</i>
	<i>Nuclear fuel extraction and fuel processing</i>	
Kumpulan 241: Pembuatan besi asas dan keluli	<i>Blast furnaces</i>	
<b>Perkhidmatan</b>	Bahagian 35: Bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara	<i>Electricity, CHP and heat plants</i>
	Kumpulan 352: Pembuatan gas, pengagihan bahan api berunsur gas melalui saluran utama	<i>Gas works (and other conversion to gases)</i>
		<i>Biogas production plants</i>
Kelas 5221: Aktiviti perkhidmatan berkaitan pengangkutan darat	<i>LNG plants / regasification plants</i>	

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi semua subsektor utama berkaitan pengeluaran produk tenaga dan utiliti meningkat iaitu subsektor perlombongan petroleum & gas asli berkembang 0.7 peratus setahun, subsektor pembuatan produk petroleum bertapis meningkat 1.7 peratus setahun, subsektor bekalan elektrik, gas, wap dan pendinginan udara meningkat 4.0 peratus setahun dan subsektor penakungan, perawatan dan bekalan air meningkat 4.0 peratus setahun bagi tempoh 2010-2015.

Hasil daripada Banci Ekonomi 2016 mendapati pertumbuhan tahunan nilai ditambah industri berkaitan tenaga dan utiliti keseluruhannya meningkat 3.9 peratus setahun kepada RM189.4 bilion berbanding RM156.3 bilion pada tahun 2010. Sektor Perlombongan & pengkuarian mencatatkan nilai ditambah tertinggi sebanyak RM98.9 bilion dengan peratus

# RINGKASAN PENEMUAN


sumbangan 52.2 peratus yang disumbangkan oleh subsektor pengekstrakan petroleum mentah & gas asli (RM92.4 bilion). Seterusnya, sektor Pembuatan merekodkan nilai ditambah RM53.6 bilion (28.3%) yang disumbangkan oleh industri pembuatan dan produk petroleum bertapis, RM35.2 bilion.

Penemuan banci menunjukkan bilangan pertubuhan bagi industri berkaitan tenaga & utiliti meningkat kepada 2,747 berbanding 2,126 pertubuhan pada tahun 2010, merekodkan peningkatan pertumbuhan tahunan 5.3 peratus.

Nilai output kasar pada tahun 2015 berjumlah RM396.2 bilion berbanding RM328.9 bilion pada tahun 2010 dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 3.8 peratus. Nilai input perantaraan turut meningkat kepada RM206.8 bilion berbanding RM172.6 bilion pada tahun 2010. Pada tahun 2015, industri ini mencatatkan jumlah pekerja seramai 221,532 orang dengan nilai gaji dan upah yang dibayar berjumlah RM16.0 bilion.

Prestasi keseluruhan industri berkaitan tenaga dan utiliti pada tahun 2010 dan 2015 adalah seperti di **Paparan 1**.

**Paparan 1: Perangkaan utama tenaga dan utiliti, 2010 dan 2015**



### 3. PENGELUARAN PRODUK TENAGA DAN UTILITI MENGIKUT SEKTOR EKONOMI

Pengeluaran produk tenaga ditakrifkan sebagai pengekstrakan atau pembuatan bahan api atau tenaga dalam bentuk yang sedia untuk kegunaan am. Dalam statistik tenaga, terdapat dua jenis pengeluaran iaitu pengeluaran utama (atau primer) dan pengeluaran sekunder.

Pengeluaran utama adalah pengekstrakan bahan api atau tenaga dari aliran tenaga semula jadi, biosfera dan rizab semula jadi fosil bahan api dalam negara dalam bentuk yang sesuai untuk digunakan. Produk yang dihasilkan adalah dirujuk sebagai produk "utama".

Sumber utama pengeluaran tenaga yang tidak boleh diperbaharui adalah seperti berikut:

- Bahan api fosil - Minyak mentah, arang batu dan gas asli:
  - Minyak mentah atau petroleum adalah sejenis sebatian hidrokarbon cecair yang berwarna gelap dan pekat yang biasanya didapati di bahagian atas kerak bumi;
  - Arang batu adalah pepejal hitam semula jadi dan digunakan sebagai bahan bakar secara meluas; dan
  - Gas asli adalah sejenis sebatian hidrokarbon dalam bentuk gas dan terbentuk di lapisan magma bumi.
  
- Bahan api mineral – Uranium semula jadi seperti Uranium-234, Uranium-235 dan Uranium-238.
  - Uranium adalah unsur logam radioaktif yang berwarna kelabu atau keperakan.

Pengeluaran sekunder merujuk kepada pembuatan produk tenaga melalui proses transformasi bahan api utama atau tenaga. Kuantiti bahan api sekunder dilaporkan sebagai pengeluaran termasuk kuantiti yang hilang melalui pembuangan dan pembakaran semasa dan selepas pengeluaran bahan api. Melalui kaedah ini, jisim, tenaga dan karbon di dalam sumber utama di mana bahan api dihasilkan boleh diimbangi dengan bahan api sekunder yang dihasilkan. Bahan api, elektrik dan haba yang dihasilkan biasanya dijual tetapi kemungkinan sebahagiannya atau keseluruhannya digunakan oleh pengeluar.

Sumber tenaga pengeluaran sekunder merupakan sumber tenaga yang telah berubah bentuk daripada sumber tenaga utama melalui proses penukaran tenaga. Penukaran


# RINGKASAN PENEMUAN

sumber tenaga daripada sumber tenaga utama kepada sumber tenaga sekunder adalah penting untuk penggunaan yang lebih mudah dan memberi manfaat kepada aktiviti-aktiviti pengguna. Contoh tenaga sekunder adalah tenaga elektrik yang mana kegunaannya adalah pelbagai, misalnya untuk menjanakan perkakasan dan peralatan elektrik seperti penyaman udara, peti sejuk, pemanas ruang serta air, lampu dan lain-lain. Tenaga sekunder yang lain ialah bahan pembakar hidrogen yang mana penggunaannya masih terhad dan dijangka bertambah pada masa hadapan.

Pengeluaran utiliti merupakan aktiviti penakungan, perawatan dan pengagihan air untuk tujuan bekalan air bagi memenuhi keperluan domestik dan industri.

Hasil daripada Banci Ekonomi 2016, sebanyak RM282.5 bilion pengeluaran produk tenaga dan utiliti dicatatkan pada tahun 2015 berbanding RM248.7 bilion pada tahun 2010 dengan kadar pertumbuhan tahunan 2.6 peratus. Sektor Pembuatan mencatatkan nilai pengeluaran produk tenaga dan utiliti tertinggi iaitu RM123.6 bilion dengan sumbangan 43.8 peratus seperti di **Paparan 2**.

**Paparan 2: Pengeluaran produk tenaga dan utiliti, 2010 dan 2015**




Pengeluaran produk tenaga meningkat 2.5 peratus setahun dalam tempoh 2010 hingga 2015, mencatatkan RM275.0 bilion pada tahun 2015, berbanding RM243.6 bilion pada tahun 2010. Bahan pembakar, pelincir dan gas menyumbang 80.7 peratus kepada jumlah pengeluaran produk tenaga.

Pengeluaran produk utiliti pada tahun 2015 berjumlah RM7.5 bilion, berbanding RM5.1 bilion pada tahun 2010, merekodkan purata pertumbuhan tahunan sebanyak 8.0 peratus. Pengeluaran produk utiliti menyumbang 2.6 peratus kepada jumlah bekalan tenaga dan utiliti pada tahun 2015.

#### 4. PENGGUNAAN PRODUK TENAGA DAN UTILITI MENGIKUT SEKTOR EKONOMI

Penggunaan produk tenaga dan utiliti adalah merujuk kepada penggunaan akhir lima sektor ekonomi iaitu Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembuatan, Pembinaan dan Perkhidmatan, manakala sektor isi rumah dan kerajaan tidak diliputi. Penggunaan produk tenaga dan utiliti pada tahun 2015 berjumlah RM188.1 bilion, di mana sektor Pembuatan merekodkan jumlah penggunaan tertinggi iaitu RM125.9 bilion dengan sumbangan 66.9 peratus seperti di **Paparan 3**.

**Paparan 3: Penggunaan tenaga dan utiliti mengikut sektor ekonomi, 2015**



# RINGKASAN PENEMUAN


Pada tahun 2015, penggunaan produk tenaga mencatatkan RM185.9 bilion iaitu 80.7 peratus (RM159.4 bilion) disumbangkan oleh penggunaan bahan pembakar, pelincir dan gas. Penggunaan produk utiliti mencatatkan pertumbuhan tahunan 8.5 peratus dan merekodkan RM2.3 bilion pada tahun 2015. Sektor Perkhidmatan merekodkan penggunaan tertinggi, sebanyak RM1.4 bilion atau 59.7 peratus daripada jumlah bekalan air.

Penggunaan produk tenaga dan utiliti dibahagikan kepada tiga, iaitu bahan pembakar, pelincir & gas; tenaga elektrik; dan bekalan air.

## i. Bahan pembakar, pelincir & gas

Penggunaan bahan pembakar, pelincir & gas dalam lima sektor ekonomi pada tahun 2015 berjumlah RM149.9 bilion. Sektor Pembuatan merekodkan nilai terbesar iaitu RM104.4 bilion dengan sumbangan 69.7 peratus, diikuti sektor Perkhidmatan RM35.1 bilion (23.4%) seperti di **Paparan 4**.


**Paparan 4: Penggunaan bahan pembakar, pelincir & gas mengikut sektor ekonomi,**



## ii. Tenaga elektrik

Jumlah penggunaan tenaga elektrik dalam lima sektor ekonomi pada tahun 2015 meningkat kepada RM36.0 bilion. Sektor Pembuatan merekodkan nilai penggunaan tenaga elektrik tertinggi iaitu RM20.6 bilion (57.5%), diikuti sektor Perkhidmatan RM14.1 bilion (39.2%) seperti di **Paparan 5**.


**Paparan 5: Penggunaan tenaga elektrik mengikut sektor ekonomi, 2015**



## iii. Bekalan air

Jumlah penggunaan bekalan air dalam lima sektor ekonomi pada tahun 2015 merekodkan RM2.3 bilion. Sektor Perkhidmatan mencatatkan penggunaan terbesar iaitu RM1.4 bilion dengan sumbangan 59.7 peratus, diikuti sektor Pembuatan, RM0.8 bilion (34.8%) seperti di **Paparan 6**.







**Paparan 6: Penggunaan bekalan air mengikut sektor ekonomi, 2015**



## 5. EKSPORT DAN IMPORT PRODUK TENAGA DAN UTILITI

Pada tahun 2015, jumlah eksport produk tenaga dan utiliti meningkat kepada RM125.9 bilion berbanding RM102.0 bilion pada tahun 2010 dengan pertumbuhan tahunan 4.3 peratus. Nilai import turut mencatatkan peningkatan kepada RM85.2 bilion dengan pertumbuhan tahunan 10.1 peratus seperti di **Paparan 7**. Pada tahun 2015, jumlah perdagangan produk tenaga mencatatkan lebih RM40.7 bilion, manakala perdagangan produk utiliti merekodkan defisit sebanyak RM1 juta.

**Paparan 7: Eksport dan import produk tenaga dan utiliti, 2010 dan 2015**


							
		ARANG BATU, ARANG KOK & BRIKUET	PETROLEUM	GAS, ASLI & BUATAN	TENAGA ELEKTRIK	BEKALAN AIR	JUMLAH
EKSPORT (RM juta)	2015	45 0.0%	78,750 62.6%	47,078 37.4%	2 0.0%	2 0.0%	125,877
	2010	71 0.1%	58,188 57.1%	43,652 42.8%	48 0.0%	2 0.0%	101,961
	CAGR	-8.4%	6.2%	1.5%	-45.6%	-2.8%	4.3%
IMPORT (RM juta)	2015	5,542 6.5%	74,085 87.0%	5,515 6.5%	6 0.0%	3 0.0%	85,151
	2010	5,341 10.1%	44,646 84.7%	2,704 5.2%	-	5 0.0%	52,696
	CAGR	0.7%	10.7%	15.3%	-	-8.8%	10.1%

## 6. IMBANGAN TENAGA DAN UTILITI

Bekalan tenaga dan utiliti ditakrifkan sebagai pengeluaran produk tenaga dan utiliti ditambah import produk tenaga dan utiliti dan ditolakkan dengan eksport produk tenaga dan utiliti, bunker laut antarabangsa, bunker penerbangan antarabangsa, kemudian ditambah/ditolak perubahan stok. Pengeluaran boleh merujuk kepada sama ada pengeluaran utama, sekunder, atau kedua-dua pengeluaran utama dan sekunder.

Pada tahun 2015, bekalan produk tenaga dan utiliti berjumlah RM371.4 bilion yang mana sektor Pembuatan merekodkan sumbangan tertinggi iaitu 33.3 peratus, diikuti oleh sektor Perlombongan & pengkuarian (26.5%), Import (22.9%), sektor Perkhidmatan (16.3%) dan tenaga elektrik dijana & guna sendiri (1.0%). Manakala permintaan produk tenaga dan utiliti bagi eksport mencatatkan RM125.9 bilion (34.9%), sektor Pembuatan (34.9%), sektor Perkhidmatan (14.0%), sektor Isi rumah (11.1%) dan lain-lain permintaan (5.1%) yang meliputi sektor Pertanian, Perlombongan & pengkuarian, Pembinaan, Kerajaan dan tenaga elektrik dijana & guna sendiri seperti di **Paparan 8**.


**Paparan 8: Bekalan dan permintaan produk tenaga dan utiliti, 2015**



## 7. PENGGUNAAN PRODUK TENAGA DAN UTILITI MENGIKUT NEGERI

Selangor mencatatkan penggunaan produk tenaga dan utiliti tertinggi pada tahun 2015 iaitu RM35.5 bilion dengan peratus sumbangan 18.9 peratus diikuti oleh Terengganu (17.6%) dan Sarawak (10.6%) seperti di **Paparan 9**.

**Paparan 9: Penggunaan tenaga dan utiliti mengikut negeri, 2015**



**Nota:**

\*Termasuk W.P. PUTRAJAYA dan W.P. LABUAN

Penjumlahan peratusan tidak bersamaan 100 disebabkan oleh pengecualian *Supra State*

## 8. INTENSITI TENAGA

Intensiti Tenaga ditakrifkan sebagai jumlah tenaga yang digunakan untuk menghasilkan RM1,000 output. Perubahan dari masa ke masa mencerminkan pengaruh pelbagai faktor, termasuk peningkatan kecekapan tenaga dan juga perubahan dalam aktiviti ekonomi. Pada tahun 2015, secara keseluruhannya, penggunaan tenaga dilaporkan sebanyak RM74.66 bagi setiap RM1,000 penghasilan output.


Setiap sektor ekonomi menggunakan tenaga dan sektor Pembuatan merupakan pengguna tenaga terbesar dengan intensiti tenaga sebanyak RM109.52 bagi setiap RM1,000 penghasilan output. Manakala, sektor Perlombongan & pengkuarian adalah sektor yang kurang menggunakan tenaga secara intensif iaitu RM24.03 bagi setiap RM1,000 penghasilan output seperti di **Paparan 10**.

**Paparan 10: Intensiti tenaga mengikut sektor ekonomi, 2015**




## Kotak 1: Perkembangan industri petroleum dan gas asli di Malaysia

Industri petroleum di Malaysia bermula pada awal tahun 1910 dengan penemuan telaga komersial pertama di Miri, Sarawak<sup>1</sup>. Industri ini terus berkembang dan merupakan antara penyumbang utama ekonomi negara di mana pada tahun 1987, ia menyumbang sebanyak 11.8% pada harga malar. Pada tahun 2015, industri ini menyumbang sebanyak 8.4% kepada KDNK berbanding 10.4% pada tahun 2010<sup>2</sup>.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dari segi pengeluaran, pengeluaran petroleum mentah dan kondensat mencatatkan pengeluaran tertinggi pada tahun 2015 dengan 241,491 ribu tong, iaitu tertinggi sejak tahun 2009<sup>3</sup>. Peningkatan ini disumbangkan oleh pengeluaran baharu daripada medan minyak laut dalam Gumusut Kakap di luar pesisir Sabah yang telah memulakan operasi pada suku keempat 2014<sup>4</sup>.



Sumber: NEB, Suruhanjaya Tenaga

<sup>1</sup> Laman Web Majlis Bandaraya Miri

<sup>2</sup> Jabatan Perangkaan Malaysia

<sup>3</sup> Suruhanjaya Tenaga

<sup>4</sup> Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia, 2015

## **Pengurangan subsidi**

Pada 2 Oktober 2014 pengurangan subsidi petrol dan diesel sebanyak 20 sen telah berkuat kuasa bagi mengelak berlakunya ketirisan dan penyelewengan bahan subsidi ini. Berikutan trend harga minyak mentah dunia yang semakin merudum, kerajaan Malaysia memutuskan untuk menghentikan subsidi minyak dan memperkenalkan sistem pengapungan terkawal berkuatkuasa 1 Disember 2014. Subsidi bagi RON95 akan dihapuskan dan harga minyak akan bergantung kepada harga pasaran dunia. KPDNKK memaklumkan harga runcit produk petroleum di Malaysia ditentukan melalui kaedah Mekanisme Harga Automatik (APM) sejak 1983.

(Kenyataan oleh Datuk Hamzah Zainuddin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

## Kotak 2: Inisiatif Hijau - Sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB)

- Permintaan tenaga semakin meningkat seiring pertumbuhan populasi global. *World Population Prospects: The 2017 Revision* melaporkan populasi dunia kini adalah 7.6 bilion dan dijangka meningkat kepada 9.8 bilion pada 2050. Selain itu, kadar pembangunan ekonomi yang rancak dan peningkatan taraf hidup masyarakat di negara membangun turut menyebabkan peningkatan tinggi terhadap permintaan tenaga.
- Kadar peningkatan purata permintaan maksimum terhadap tenaga elektrik di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak tiga peratus sejak tahun 2008 (Suruhanjaya Tenaga, 2014). Sumber tenaga yang digunakan untuk menjana tenaga elektrik adalah merupakan sumber tenaga campuran yang terdiri daripada bahan api fosil seperti gas asli, arang batu, dan minyak serta sumber yang boleh diperbaharui iaitu hidro. Penggunaan bahan api fosil di dalam penjanaan tenaga elektrik menyumbang kepada pengeluaran gas rumah hijau seperti gas karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) yang memberi kesan terhadap perubahan iklim.
- Sejalan dengan itu, kerajaan telah memperkenalkan dasar pelaksanaan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebagai sumber tenaga kelima di dalam penjanaan tenaga elektrik sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan Dasar Tenaga Boleh Diperbaharui Nasional & Pelan Tindakan 2008 yang dijangka memainkan peranan sangat penting dalam menjamin keselamatan dan ketahanan sumber tenaga di masa hadapan di samping dapat mengurangkan pengeluaran CO<sub>2</sub>. Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11), sasaran TBB dijangka membekalkan 2080 MW pada tahun 2020 iaitu menyumbang sebanyak 7.8% kepada penjanaan tenaga elektrik keseluruhan.
- Kelebihan TBB berbanding dengan tenaga konvensional adalah :-
  - i. Sumber tenaga yang bersih dan memberi kesan yang minimal terhadap pencemaran udara dan alam sekitar;
  - ii. Sumber tenaga yang berkekalan dan berterusan untuk generasi akan datang;
  - iii. Kaedah penghasilan tenaga yang tidak berpusat dan dijangka akan merangsangkan pembangunan ekonomi sesebuah negara; dan
  - iv. Sebagai industri tenaga diperbaharui yang dijangka meningkatkan peluang pekerjaan kepada generasi masa depan.

**Jadual 1: Penjanaan Tenaga dari Projek TBB yang telah Mencapai Operasi Komersil (2012-2015)**

Sumber TBB	Penjanaan Tenaga (GWh)					Jumlah (%)
	2012	2013	2014	2015	Jumlah	
<b>Biogas</b>	-	29.26	47.48	54.40	131.14	<b>8.65%</b>
<b>Biomass</b>	96.30	228.80	197.33	171.50	693.93	<b>45.75%</b>
<b>Kuasa Hidro</b>	7.23	91.43	64.45	52.63	215.74	<b>14.22%</b>
<b>Solar</b>	1.34	53.92	177.36	243.42	476.04	<b>31.38%</b>
<b>Jumlah</b>	<b>104.87</b>	<b>403.41</b>	<b>486.62</b>	<b>521.95</b>	<b>1,516.85</b>	<b>100.00%</b>

Sumber: Sustainable Energy Development Authority (SEDA)

## 1. INTRODUCTION

This publication presents energy and utilities statistics, including production from energy & utilities industries and consumption by five major economic sectors, namely Agriculture, Mining & quarrying, Manufacturing, Construction and Services. The energy industry is defined as an economic unit that carries out principle activities related to produce, tranmise and distribute of energy products. The statistics are compiled based on guidelines and recommendations in the International Recommendations for Energy Statistics (IRES), 2016. Whereas utilities statistics presented are based on the Malaysian Industrial Classification Standard (MSIC), 2008 version 1.0. Utilities industries include water collection, treatment and supply activities for domestic and industrial needs, classified in the Services sector.

The statistics presented are the result of the Economic Census conducted in 2016 for the reference year 2015 which includes principal statistics and production of energy and utilities products by the industries, and their consumption in five economic sectors. Statistics by state are also included in this publication.

As compared to existing energy and utilities statistics, the statistics presented in this publication are not measured using mass or weight, but instead using values in Ringgit Malaysia (RM).

## 2. OVERALL PERFORMANCE

The energy industry is covered in the Mining & quarrying, Manufacturing and Services sectors. Details are shown in **Table 1**.

**Table 1: Classification of energy industry by economic sectors**

<b>Economic Sector</b>	<b>Economic Activities (MSIC 2008)</b>	<b>Energy industry (IRES 2016)</b>
<b>Mining &amp; Quarrying</b>	<i>Division 05: Mining of coal and lignite</i>	Coal mines
	<i>Division 06: Extraction of crude petroleum and natural gas</i>	Oil and gas extraction
		Gas separation plants
	<i>Class 0721: Mining of uranium and thorium ores</i>	Nuclear fuel extraction and fuel processing
	<i>Class 0892: Extraction of peat</i>	Other energy industry not elsewhere specified

## SUMMARY OF FINDINGS

<b>Economic Sector</b>	<b>Economic Activities (MSIC 2008)</b>	<b>Energy industry (IRES 2016)</b>
	Group 091: Support activities for petroleum and natural gas extraction	LNG plants / regasification plants Oil and gas extraction
<b>Manufacturing</b>	Group 191: Manufacture of coke oven products	Coke ovens
	Group 192: Manufacture of refined petroleum products	Coal liquefaction plants
		Patent fuel plants
		Brown coal briquette plants
		Oil refineries
		Gas-to-liquids (GTL) plants
	Class 2011: Manufacture of basic chemicals	Charcoal plants
Nuclear fuel extraction and fuel processing		
Group 241: Manufacture of basic iron and steel	Blast furnaces	
<b>Services</b>	Division 35: Electricity, gas, steam and air conditioning supply	Electricity, CHP and heat plants
	Group 352: Manufacture of gas; distribution of gaseous fuels through mains	Gas works (and other conversion to gases)
		Biogas production plants
Class 5221: Service activities incidental to land transportation	LNG plants / regasification plants	

The Gross Domestic Product (GDP) for all industries related to energy and utilities production registered an increase with the petroleum & natural gas subsector expanded by 0.7 per cent, manufacture of refined petroleum products subsector increased by 1.7 per cent, generation, transmission & distribution of electricity subsector increased by 4.0 per cent and water collection, treatment and supply subsector increased by 4.0 per cent during 2010 to 2015.

Based on the Economic Census 2016, value added for all industry related to energy and utilities production increased 3.9 per cent annually to RM189.4 billion as compared to RM156.3 billion in 2010. The Mining & quarrying sector recorded the highest value added RM98.9 billion with a contribution 52.2 per cent, which contributed by the extraction of crude petroleum & natural gas subsector (RM92.4 billion). Meanwhile, the Manufacturing sector recorded a value added RM53.6 billion (28.3%) which contributed by manufacture of refined petroleum products industry, RM35.2 billion.


# SUMMARY OF FINDINGS

The census revealed that the number of establishments for this industry increased to 2,747 in 2015 compared to 2,126 establishments in 2010, which recorded an annual growth of 5.3 per cent per annum during the period.

The value of gross output in 2015 amounted RM396.2 billion as compared to RM328.9 billion in 2010 with an annual growth of 3.8 per cent. Value of intermediate input also increased to RM206.8 billion as compared to RM172.6 billion in 2010. In 2015, the industry recorded a total of 221,532 employees with salaries and wages paid amounting to RM16.0 billion.

The overall performance of energy and utilities industries in 2010 and 2015 is shown in **Exhibit 1**.

**Exhibit 1: Principle statistics of energy and utilities, 2010 and 2015**



### 3. PRODUCTION OF ENERGY AND UTILITIES PRODUCTS BY ECONOMIC SECTOR

*Production of energy products is defined as extraction or manufacture of fuel or energy in the form available for general use. In energy statistics, there are two types of production, namely main or primary production and secondary production.*

*Primer production is the extraction of fuel or energy from natural energy flows, biosphere and natural fossil fuel reserves within the country in the form suitable for use. The resulting product is referred to as the "primary" product.*

*Main sources of non-renewable energy production are as follows:*

- *Fossil Fuels - Crude oil, coal and natural gas:*
  - *Crude oil or petroleum is a type of dark and concentrated liquid hydrocarbon compounds normally found in the basic part of the crust;*
  - *Coal is a natural black solid and widely used as fuel;and*
  - *Natural Gas is a type of hydrocarbon compound in the form of gas and is formed in the magma layer of the earth.*
- *Mineral Fuels - Natural Uranium such as Uranium-234, Uranium-235 and Uranium-238.*
  - *Uranium is a radioactive metal element that is grey or silvery.*

*Secondary production refers to the manufacture of energy products through the transformation of fuel or energy. Secondary fuel quantities are reported as production including quantities lost through the disposal and combustion during and after fuel production. Through this method, mass, energy and carbon in the primary source where the fuel is produced can be offset by the secondary fuel produced. Fuel, electrical energy and heat generated are usually sold but may be partially or wholly used by producers.*


*Secondary production is the sources of energy that have been transformed from major energy sources through energy conversion processes. Conversion of energy sources from primary sources to secondary energy sources is important for easier use and benefits to user activities. Examples of secondary energy are electrical energy where its use is diverse, for instance to generate power of electrical appliances such as air conditioning, refrigerators, space heaters and water, lamps and others. Another secondary energy is hydrogen, the usage is still limited and expected to increase in the future.*

# SUMMARY OF FINDINGS

Utilities production is referring to water collection, treatment and distribution activity to meet domestic and industrial needs.

Based on the Economic Census 2016, a total RM282.5 billion energy and utilities products were produced as compared to RM248.7 billion in 2010, recorded an annual growth rate of 2.6 per cent. The Manufacturing sector recorded the highest production of energy and utilities products, valued at RM123.6 billion with a contribution of 43.8 per cent as shown on **Exhibit 2**.

**Exhibit 2: Production of energy and utilities products, 2010 and 2015**



Production of energy products increased by 2.5 per cent per annum during 2010 to 2015, registered RM275.0 billion in 2015 as compared to RM243.6 billion in 2010. Fuel, lubricants and gas contributed 80.7 per cent to the total energy production.


# SUMMARY OF FINDINGS

The production of utilities products in 2015 amounted RM7.5 billion as compared to RM5.1 billion in 2010, recorded an annual growth of 8.0 per cent. The production of utilities products accounted for 2.6 per cent of total energy and utilities supplies in 2015.

## 4. CONSUMPTION OF ENERGY AND UTILITIES PRODUCTS BY ECONOMIC SECTOR

Consumption of energy and utilities products referring to the final consumption of five economic sectors namely Agriculture, Mining & quarrying, Manufacturing, Construction and Services, while the Household and Government sectors are not covered. The total energy and utilities products consumption in 2015 amounted at RM188.1 billion. The Manufacturing sector recorded the highest consumption (RM125.9 billion), with a contribution of 66.9 per cent as shown in **Exhibit 3**.

**Exhibit 3: Consumption of energy and utilities products by economic sector, 2015**



# SUMMARY OF FINDINGS


In 2015, consumption of energy products registered RM185.9 billion, which fuels, lubricants and gas contributed 80.7 per cent (RM159.4 billion) of the total consumption. The consumption of utilities products recorded an annual growth of 8.5 per cent and recorded RM2.3 billion in 2015. The Services sector consumed RM1.4 billion or 59.7 per cent of total water supply in the economic sectors.

Consumption of energy and utilities products is divided into three, namely, Fuel, Lubricants & gas; Electrical energy; and Water supply.

## i. Fuel, lubricants & gas

The consumption of fuel, lubricants & gas by the five economic sector in 2015 amounted to RM149.9 billion. The Manufacturing sector recorded the largest value, RM104.4 billion with a contribution of 69.7 per cent, followed by the Services sector, RM35.1 billion (23.4%) as shown in **Exhibit 4**.

**Exhibit 4: Consumption of fuel, lubricants & gas by economic sector, 2015**




# SUMMARY OF FINDINGS

## ii. Electrical energy

Total electrical energy consumption by the five economic sector in 2015 increased to RM36.0 billion. The Manufacturing sector recorded the highest electrical energy consumption, RM20.6 billion (57.5%), followed by the Services sector, RM14.1 billion (39.2%) as shown in **Exhibit 5**.

**Exhibit 5: Consumption of electrical energy by economic sector, 2015**




# SUMMARY OF FINDINGS

## iii. Water supply

Total water consumption by the five economic sector in 2015 recorded an increase to RM2.3 billion. The increase was contributed by the Services sector, RM1.4 billion with a contribution of 59.7 per cent, followed by the Manufacturing sector, RM0.8 billion (34.8%) as shown in **Exhibit 6**.

**Exhibit 6: Consumption of water supply by economic sector, 2015**









# SUMMARY OF FINDINGS

## 5. EXPORTS AND IMPORTS OF ENERGY AND UTILITIES PRODUCTS

Exports of energy and utilities products increased to RM125.9 billion in 2015 as compared to RM102.0 billion in 2010 with an annual growth of 4.3 per cent. Imports also increased to RM85.2 billion with an annual growth of 10.1 per cent as shown in **Exhibit 7**. In 2015, total trade of energy products recorded a surplus of RM40.7 billion, while trade of utilities products recorded a deficit of RM1 million.

**Exhibit 7: Exports and imports of energy and utilities products, 2010 and 2015**

							
		COAL, COKE & BRIQUETTES	PETROLEUM	NATURAL AND MANUFACTURED GAS	ELECTRICAL ENERGY	WATER SUPPLY	TOTAL
EXPORTS (RM million)	2015	45 0.0%	78,750 62.6%	47,078 37.4%	2 0.0%	2 0.0%	125,877
	2010	71 0.1%	58,188 57.1%	43,652 42.8%	48 0.0%	2 0.0%	101,961
	CAGR	-8.4%	6.2%	1.5%	-45.6%	-2.8%	4.3%
IMPORTS (RM million)	2015	5,542 6.5%	74,085 87.0%	5,515 6.5%	6 0.0%	3 0.0%	85,151
	2010	5,341 10.1%	44,646 84.7%	2,704 5.2%	-	5 0.0%	52,696
	CAGR	0.7%	10.7%	15.3%	-	-8.8%	10.1%


# SUMMARY OF FINDINGS

## 6. ENERGY AND UTILITIES BALANCE

Energy and utilities supply are defined as production of energy and utilities products plus imports of energy and utilities products, minus exports of energy and utilities products, international sea bunkers, international aviation bunkers, then plus/minus change in stocks. Supply can refer to either primary, secondary, or both primary and secondary production.

In 2015, the supply of energy and utilities products amounted to RM371.4 billion, Manufacturing sector recorded the highest contribution of 33.3 per cent, followed by Mining & quarrying sector (26.5%), Imports (22.9%), Services sector (16.3%) and self-generation & self-consumption of electrical energy (1.0%). Meanwhile, demand of energy and utilities products for exports amounted to RM125.9 billion (34.9%), Manufacturing sector (34.9%), Services sector (14.0%), Households sector (11.1%) and other demand (5.1%) which includes Agriculture, Mining & quarrying, Construction, Government sector and self-generation & self-consumption of electrical energy as shown in **Exhibit 8**.

**Exhibit 8: Supply and demand of energy and utilities products, 2015**




# SUMMARY OF FINDINGS

## 7. CONSUMPTION OF ENERGY AND UTILITIES PRODUCTS BY STATE

Selangor recorded the highest consumption of energy and utilities products in 2015 (RM35.5 billion or 18.9 per cent), followed by Terengganu (17.6%) and Sarawak (10.6%) as shown in **Exhibit 9**.

**Exhibit 9: Consumption of energy and utilities products by state, 2015**



**Notes:**

\*Include W.P. PUTRAJAYA and W.P. LABUAN


The sum of percentage is not equal to 100 due to the exclusion of Supra State

## 8. ENERGY INTENSITY

Energy Intensity is defined as the amount of energy consumed to generate RM1,000 outputs. Its variation over time reflects the influence of various factors, which include energy efficiency improvements, and changes in the nature of the economic activity. In 2015, consumption of energy was accounted for RM74.66 per RM1,000 outputs.

